

Pak Lah masih cari ilham

Calon paling layak, sesuai dalam pertimbangan bawa cabaran BN

BIT 18-NOV-2005



Daripada Mohd Azlan Jaafar,

BUSAN (Korea Selatan): Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menerima senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Pasir, tetapi masih mencari 'ilham' untuk membuat pilihan yang sesuai.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, beliau masih perlu menimbang siapa yang paling layak dan sesuai bagi membawa cabaran BN untuk memenangi semula kerusi itu daripada Pas.

Katanya, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa, sudah memaklumkan mengenai beberapa orang yang perlu diberi perhatian dan sedang menimbang siapa paling layak.

"Namanya tak boleh diumumkan dan nama dalam senarai tak perlu diberitahu... nanti ada orang lain lagi

nak bubuh nama dia, kan susah kita. Panjang pula jadinya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.


Beliau diminta mengulas jika sudah memilih calon BN dalam pilihan raya kecil itu. Kelmarin, Annuar dilaporkan berkata, beliau sudah menyerahkan senarai calon kepada Abdullah dan mengumumkan nama berkenaan dalam tempoh sehari dua lagi.

Pilihan raya kecil DUN Pengkalan Pasir yang akan diadakan 6 Disember ini, dibuat berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) berkenaan, Wan Abdul Aziz Wan Jaafar pada 31 Oktober lalu.

Mengenai kenyataan Annuar bahawa nama calon itu akan diumumkan sehari dua lagi, Abdullah berkata: "(Ia akan dibuat) bila ilham datang. Kalau ada nama, akan umum tapi kalau tiada, macam mana nak umum... satu, dua, tiga, empat hari pun."

Abdullah yang melihat keputusan pilihan raya itu sebagai pengukur prestasi BN dan Pas setakat ini berkata, beliau yakin BN menang.

"Kalau nak buat pilihan raya dua tiga hari lagi, kita boleh menang tapi ini lama lagi. Dalam politik macam-macam boleh berlaku dan kita perlu bersedia secukupnya," katanya.



PASTIKAN NAMA ADA: Penduduk Kampung Kubang Pak Amin menyemak nama mereka di kaunter semakan daftar pemilih yang dikendalikan petugas Barisan Nasional, semalam.

SYAMSI SUHAIMI | BERITA HARIAN

PRDANA LEADERSHIP FOUNDATION